



ARUS SAWIT SDN. BHD.

POLISI PEMBERI MAKLUMAT

Polisi ini bertujuan untuk menggalakkan kakitangan Arus Sawit dan pihak berkepentingan yang lain untuk melaporkan sebarang kejadian yang menimbulkan kebimbangan dalam syarikat untuk disiasat dan ditangani secara dalaman.

Pemberi maklumat boleh melaporkan aduan jika terdapat sebarang salah laku seperti berikut:-

- a. Penipuan
- b. Penyelewengan aset
- c. Gangguan seksual
- d. Pecah amanah
- e. Jenayah
- f. Rasuah
- g. Penyalahgunaan maklumat sulit
- h. Pemberian maklumat palsu
- i. Mana-mana perkara di atas dan salah laku lain

Prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi sebagai pemberi maklumat termasuklah:

1. Melaporkan salah laku dengan kadar segera dengan mengisi borang aduan yang disediakan oleh ASSB.
2. Maklumat individu yang melaporkan salah laku di syarikat akan dilindungi dan dirahsiakan.
3. Pemberi maklumat yang membuat laporan dengan tujuan yang tidak baik adalah tertakluk kepada tindakan disiplin, termasuk penamatan perkhidmatan, atau undang-undang lain yang bertujuan untuk melindungi reputasi organisasi dan individu yang terlibat
4. Sesiapa yang menagmbil tindak balas terhadap pemberi maklumat akan tertakluk kepada tindakan disiplin, termasuk penamatan perkhidmatan.
5. Laporan atau aduan yang diterima perlu mengambil tindakan segera untuk menyiasat dan/atau menyelesaikan isu mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
6. Jika siasatan laporan, yang telah dilakukan dengan niat yang baik dan disiasat oleh kakitangan dalaman, tidak memuaskan hati pemberi maklumat, maka dia mempunyai hak untuk melaporkan kejadian itu kepada agensi undang-undang atau penyiasatan yang berkaitan.

DR. LAWRENCE CHU
Pengarah, Arus Sawit Sdn. Bhd.

01 JUNE 2023